

Ulasan Buku/Book Review

Pembangunan: Mengejar Impian Atau Harapan Pengarang: Ishak Shari. 2008. Abdul Rahman Embong (sunt.). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 370 halaman. Ulasan oleh Abdul Halim Ali.

Mengapakah pengajian pembangunan yang ulung pada tahun-tahun 1950an, 1960an dan 70an dikatakan oleh kebanyakan sarjana Barat kini telah pun digerhanakan? Apakah yang telah terjadi sehinggakan pengajian pembangunan ditakdirkan telah sampai di jalan buntu di sana? Pertanyaan-pertanyaan di atas amat memerlukan pengusutan jalur-jalur perkembangan pengajian pembangunan secara sejarah.

Pada mulanya dikembangkan teori modenisasi yang pokoknya menyarankan bahawa negara-negara membangun berkesempatan mengejar negara-negara industri asalkan sanggup menyamai sistem ekonomi dan sosial yang terdapat dalam kapitalisme Barat, khususnya yang ada pada tahun-tahun 1960an di Amerika Syarikat. Sesungguhnya, pada mulanya pengajian tersebut adalah hasil 'perang dingin' dan juga terdorong kerana idea sosialisme mulai berkembang di negara-negara pasca kolonial. Teori modenisasi yang dipakai dengan meluasnya pada sekitar awal 1960an oleh pasukan penyelidik pembangunan dari Amerika Syarikat, sangat-sangat menonjolkan sifat, ideologi dan politik Amerika Syarikat, yang sepihak sifatnya itu dalam upaya menangkis pengaruh teori Marxis tentang pembangunan sosial. Lantas, pada sekitar 1970an, teori modenisasi tersebut dituduh sebagai terlalu simplistik, optimis yang tidak kena tempatnya dan yang paling menjelikkan, teori itu dikatakan berkecenderungan ke arah etnosentrisme Amerika Utara.

Dalam konteks dan latar belakang sejarah demikianlah, buku Ishak Shari yang diterbitkan pada 2008 membicarakan pembangunan di Malaysia. Buku ini merupakan percikan pemikiran Ishak Shari yang tersiar di berbagai-bagai seminar dan persidangan yang belum dibukukan. Memandangkan kumpulan artikel tersebut amat berguna dalam wacana ilmu pembangunan, khususnya dalam bahasa Melayu, maka setelah pemergian beliau, artikel-artikel itu dikumpulkan oleh editornya, Abdul Rahman Embong, rakan karib Allahyarham dan Felo Utama IKMAS, bagi tujuan menerbitkannya sebagai sebuah buku secara anumerta. Artikel-artikel itu disusun sedemikian rupa hingga membentuk satu alur seperti terlihat dari bab satu hingga bab enam belas yang diaturnya dengan cermat menurut lima bahagian.

Buku ini dibuka dengan konsepsi Ishak Shari tentang pembangunan, lalu merentangkan perincian visinya sepanjang tiga ratus lebih halaman. Yang disarikan dalam enam belas esei, secara umum didukung oleh satu roh, satu *geist*, satu falsafah kebudayaan yang terpancar pada bab akhirnya. Walaupun Ishak membicarakan globalisasi, lalu kemudiannya memilih salah satu daripada

tiga teori globalisasi bagi membicarakan tentang kemiskinan, ketaksamaan, agihan pendapatan, tentang krisis kewangan yang akhirnya mengakibatkan krisis ekonomi, tentang kekhususan pembangunan Sabah dan Sarawak, namun pengikat kelima-lima bahagian itu yang membuat koleksi esainya itu menyakinkan adalah pertimbangan berikut:

- Pengamatan kritis beliau tentang keterbatasan keadilan sosial yang mampu dihasilkan oleh pasaran bebas (*free market*), lebih-lebih lagi *neo-liberalisme*, apa lagi *New Rightism*, sekali pun Ishak mengakui kapasiti kecekapan kuasa pasaran dalam urusan ekonomi. Hanya, dipertanyakan: kepada siapakah pasaran itu akhirnya bertanggungjawab?
- Sekalipun telah diperagakan *Triumphalism* (idea kemenangan) pasaran bebas yang cuba dibaurkan dengan liciknya dengan gagasan media bebas dan hak asasi manusia yang mempesonakan ahli ekonomi liberal, namun Ishak berulang-ulang menegaskan peranan institusi negara sebagai *regulator* atau pengawal pasaran. Sekali lagi memakai asas sejarah, sesungguhnya institusi negara berkemampuan mengaturkan sistem ekonomi pasar yang tidak terkendalikan itu agar akibatnya tidak memberikan kesengsaraan kepada para warga. Seperti juga dengan keterbatasan pasar, beliau mengingatkan kita akan kekurangan pada *Leviathan* birokrasi negara. Walaupun tidak disebutnya di dalam buku ini, beliau pernah menyarankan gagasan *the enlightened state* untuk mengimbangi ketidakteriban pasar dalam upaya menghindar para warga terseret ke dalam kesangsaraan terus menerus oleh liberalisasi dan deregulasi sistem ekonomi Malaysia.
- Salah satu pelajaran daripada krisis kewangan 1997/98, menurut beliau adalah peri pentingnya para sains sosial Malaysia, khususnya ahli ekonomi, merenung teori ekonomi yang seada-adanya yang ternyata bercacat, dan gagal menghuraikan krisis tersebut secara memuaskan.
- Implisit dalam hampir semua bab, patriotisme Ishak Shari vis-à-vis hegemoni ekonomi, politik dan budaya oleh adikuasa Amerika Syarikat serta agensi-agensinya antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia yang sangat mendukung liberalisasi dan deregulasi.

BAGAIMANAKAH DAPAT POLA PEMIKIRAN ISHAK SHARI DIHURAIKAN?

Pola pemikiran Ishak Shari dapat dihuraikan dengan mempertimbangkan asuhan intelektualnya. Iklim intelektual pada 1960an – seperti dinyatakan oleh editor buku ini dalam bahagian Pendahuluan - ditandai dengan menyurutnya kolonialisme, sementara nasionalisme pula terus berkembang. Pada zaman itu sains sosial, termasuk juga ekonomi, khususnya ekonomi politik Barat telah melalui zaman pergolakan. Dalam kesimpangsiuran intelektual dan sosial

demikian, soalan-soalan sosial, akademik dan intelektual yang baru mulai dilontarkan. Komitmen dan jawapan yang seada-adanya pada waktu itu mulai diragui dan dicabar, lalu sains sosial bersama-sama ekonomi politik menjadi batu loncatan para intelektual radikal dari pelbagai variasi. Mereka sepakat membidik kapitalisme, lalu menyimpulkan bahawa krisis sosial dan krisis politik sesungguhnya berpuncakan sistem kapitalis.

Ternyata pada ketika itu, sekalipun pada akhir 'zaman ideologi', idea yang diajar oleh pelbagai disiplin akademik sangat pincang dan tidak lagi berkeupayaan menghuraikan pelbagai dilema yang berpanca muka sifatnya yang dihadapi masyarakat pada zaman itu. Salah satu kemuncak pergerakan menolak yang lama dan mencari-cari yang baru terjelma pada 'Peristiwa Paris' (The Paris Event) pada bulan Mei, 1968.

Ishak dan juga beberapa sarjana lain adalah anak-anak zaman demikian. Manifestasinya di Malaysia adalah Konferensi Peranan dan Orientasi Sains Sosial dan Ahli-ahli Sains Sosial Malaysia yang dianjurkan UKM pada Ogos 1974. Ishak juga adalah sebahagian daripada gerakan intelektual tersebut.